



31 Mac 2017
31 March 2017
P.U. (A) 98

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(PENGECUALIAN LEVI) 2017

*PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(EXEMPTION OF LEVY) ORDER 2017*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(PENGECUALIAN LEVI) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pengecualian Levi) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2017.

Pengecualian levi

2. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2) dan (3), mana-mana majikan yang mendaftar dengan Perbadanan dalam tempoh dari 1 April 2017 hingga 30 September 2017 dikecualikan daripada membayar apa-apa tunggakan levi, jika ada, yang dinyatakan dalam seksyen 14 Akta berkenaan dengan setiap pekerjaannya.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) terpakai bagi—

(a) majikan yang—

(i) dikehendaki untuk mendaftar dengan Perbadanan di bawah seksyen 13 Akta tetapi tidak berbuat demikian sebelum 1 April 2017; dan

(ii) terlibat dalam mana-mana industri sebagaimana yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual Pertama kepada Akta dan mempunyai sepuluh orang pekerja atau lebih setakat 31 Mac 2017 sebelum Perintah Pembangunan Sumber